

CARA DAN KAEDAH YANG DISYORKAN UNTUK MEMUDAHKAN MEMBERUS GIGI

Gunakan berus gigi yang diubahsuai untuk memudahkan kanak-kanak memberus gigi.




Gunakan bola atau gelang getah



Gunakan berus gigi yang berbateri



Saiz kepala berus gigi yang disyorkan



Kadar penggunaan ubat gigi berfluorida



Gunakan ubat gigi mengandungi fluorida
1100 - 1450 ppm untuk semua peringkat umur



Galakkan berludah selepas memberus gigi dan jangan berkumur-kumur



Jangan lupa memberus lidah

CARA DAN KEDUDUKAN SEMASA MEMBERUS GIGI ANAK AWDA




Bantuan dengan 2 orang

Dari sisi atau belakang

Baring atas riba atau bantal

KAEDAH MEMBANTU KANAK-KANAK YANG TIDAK MAHU MEMBUKA MULUT



Masukkan gulungan tuala kecil ke dalam mulut anak awda untuk memudahkan memberus

Sila datang tepat pada waktu mengikut temujanji yang diberikan. Sekiranya tidak dapat hadir sila hubungi klinik untuk mendapatkan perjanjian baru.

Pusat Pergigian Negara, Berakas

Tel: 2380430, 2380433, 2380434 samb 166/147

Klinik Pakar Pergigian Pediatrik, Hospital RIPAS

Tel: 2242424 samb 5823

Klinik Pergigian Pusat Kesehatan Berakas, Lambak Kanan

Tel: 2340228 samb 123

Klinik Pergigian Hospital PIHM, Temburong

Tel: 5221526/527/528/529 samb 142/175

Klinik Pergigian Hospital PMMPMHAMB, Tutong

Tel: 4260721/4260722 samb 249

Klinik Pergigian Hospital SSB, Kuala Belait

Tel: 3335331 samb 4246



UNIT PERGIGIAN PEDIATRIK
JABATAN PERKHIDMATAN PERGIGIAN
KEMENTERIAN KESIHATAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PENJAGAAN KESIHATAN MULUT DAN CEREBRAL PALSY



CEREBRAL PALSY (CP)

CP adalah sekumpulan penyakit yang melibatkan otak dan fungsi sistem saraf. Akibatnya, kanak-kanak ini boleh mengalami kesukaran pergerakan, pembelajaran, penglihatan, pendengaran, pertuturan dan pemikiran. Kanak-kanak CP boleh menunjukkan simptom yang ringan atau teruk sama ada membabitkan sebelah atau seluruh anggota badan. Ianya lebih cenderung melibatkan anggota tangan atau kaki atau kedua-duanya sekali.

PUNCA MASALAH PERGIGIAN

KARIES GIGI (KEROSAKAN GIGI)

- Kebersihan mulut yang terabai
- Kesan pengambilan ubat sirap yang mengandungi gula
- Kekekapan pengambilan makanan dan minuman yang manis



PENYAKIT GUSI

- Kebersihan mulut yang tidak memuaskan
- Kesan sampingan daripada pengambilan ubat-ubatan
- Tabiat bernafas melalui mulut



MASALAH PERGIGIAN LAIN

- Maloklusi di mana susunan gigi tidak teratur boleh mendorong penyakit gusi dan karies gigi.



- Tabiat suka mengesel dan mengetam gigi, menggigit bibir, lidah dan mukosa mulut.
- Pengeluaran air liur yang berlebihan.
- Hipersensitif mukosa mulut.
- Masalah mengunyah dan menelan makanan menyebabkan makanan tersimpan lama di dalam mulut.
- Pengendalian rawatan mungkin sukar dilakukan kerana keadaan fizikal yang terbatas.
- Kanak-kanak yang tidak berkerjasama dan mempunyai masalah tingkahlaku atau memerlukan rawatan pergigian kompleks, berkemungkinan diberikan rawatan di bawah bius umum.



TIPS PENJAGAAN GIGI

Ibubapa dan penjaga perlu prihatin dan membantu dalam penjagaan kesihatan mulut anak-anak biskita

- * Memberus gigi 2 kali sehari terutama waktu malam sebelum tidur.
- * Gunakan ubat gigi berfluorida.
- * Amalkan pemakanan yang sihat dan seimbang.



- * Kurangkan makanan dan minuman manis.
- * Hentikan penggunaan botol susu pada umur 1 tahun dan gantikan dengan menggunakan cawan.
- * Galakkan pengambilan ubat tanpa gula.
- * Berkumur atau minum air kosong selepas pengambilan ubat.
- * Dapatkan pemeriksaan gigi sekurang-kurangnya 2 kali setahun.

